

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HKB 314 - KARYA-KARYA TERPILIH DARI KESUSASTERAAN  
AMERIKA LATIN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

...2/-

### Bahagian A

1. Perkembangan Kesusasteraan Amerika Latin dapat dijelaskan dalam tiga fasa dan setiap fasa itu memperlihatkan perkembangan yang tersendiri. Bincangkan secara kritis perkembangannya mengikut fasa-fasa berikut:
  - [a] Periode colonial.
  - [b] Periode kemerdekaan.
  - [c] Periode mutakhir.
2. Bincangkan bagaimana Alejo Carpentier berperanan mengembangkan realisme magis dalam Kesusasteraan Amerika Latin.
3. "The following Friday he went down to the launches again. And, as one every Friday, he returned home without the longed-for letter. 'We've waited long enough,' his wife told him that night. 'One must have the patience of an ox, as you do, to wait for a letter for fifteen years.' The colonel got into his hammock to read the newspaper ." (*No One Writes to the Colonel*: 1996).

Merujuk kepada petikan di atas, sejauhmanakah masalah yang dihadapi oleh Kolonel berpunca daripada pihak pemerintah yang menjanjikan wang pencen kepadanya?

4. "The women writing in their many different ways in Latin America since then are not writing like the great masters of the past. But expressing their own womanly feelings and perceptions in a new woman's way." (Susan Bassnett).

Merujuk kepada pandangan Bassnett ini, bincangkan cerpen "Up Among the Eagles" oleh Luisa Valenzuela dan "The Museum of Vain Endeavours" oleh Christina Peri Rossi.

**Bahagian B**

Jawab Soalan 1 ATAU Soalan 2 dan SATU soalan lain.

SAMA ADA

5. Di bahagian awalnya, novel *One Hundred Years of Solitude* mengisahkan pembukaan bandar Macondo oleh Jose Arcadio Buendia dan Ursula Iguaran. Tentang bandar yang indah dan damai itu dikatakan bahawa "(it) was so recent that many things lacked names." Tentang penghuninya pula, dikatakan bahawa mereka semuanya muda belaka.

Sambil melakarkan pembukaan dan pembinaan Macondo, bincangkan sejauhmanakah benarnya pendapat bahawa kisah ini meniru detik awal keadaan dunia dan manusia di dalam *Bible*, khususnya "Book of Genesis."

ATAU

6. Novel Gabriel Garcia Marquez, *One Hundred Years of Solitude*, dianggap kemuncak bagi perkembangan genre realisme magis (*magic realism* atau *magical realism*) mulai akhir tahun 50-an hingga tahun 70-an. Novel ini juga menyebabkan timbulnya jolokan umum Macondo kepada dunia yang melatari kehidupan dalam fiksyen Amerika Latin era tersebut.

Berasaskan novel Marquez yang tersebut dan karya pengarang lain yang berkaitan, bincangkan maksud realisme magis dan terangkan ciri-ciri umum dunia Macondo.

7. Gerakan *onda* (gelombang) bermula ketika karya generasi *boom* masih dihasilkan. Ia sering dikaitkan dengan José Agustín dari Mexico dengan karyanya *La tumba* (The Tomb), 1964. Bincangkan secara kritis ciri-ciri gerakan ini dan peranan Agustín dalam perkembangan sastera Amerika Latin.

...4/-

- 4 -

8. Pada tahun 1996 Alberto Fuguet dan teman-temannya mengiyustiharkan kematian Macondo dan menutup pintu realisme magis. Sebagai gantinya mereka menampilkan genre McOndo dengan realisme yang mereka dakwa lebih mewakili keadaan sebenar di Amerika Latin.

Dengan merujuk kepada tulisan-tulisan Alberto Fuguet (1997) dan Mac Margolis (2002), huraikan ciri-ciri McOndo dan bahaskan prospek genre baru ini.

- ooo0ooo -